

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپيټ فٺوتو وٺا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 18/2018

Kepada: Semua Penerima Biasiswa Kerajaan dan Penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan

MEMUATNAIK BORANG PERMOHONAN BAGI MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN (RESIT)

Sukacita menarik perhatian semua penuntut berhubung perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan fungsi utama Unit Penuntut-Penuntut untuk memastikan kemajuan akademik dan kesejahteraan semua penuntut di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland terutama kepada penerima Biasiswa kerajaan dan penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan untuk menghadapi / memuatnaik borang tersebut jika dikehendaki menduduki **peperiksaan ulangan (Resit)** melalui UPP online portal masing-masing bagi mengelakkan sebarang kelewatan pembayaran elaun biasiswa bulanan **sebelum 31 Julai 2018**.

3. Sila hadapkan permohonan ini bersama dengan dokumen-dokumen yang berikut:

- a. Salinan keputusan peperiksaan
- b. Surat/dokumen dari universiti yang membenarkan pelajar menduduki peperiksaan ulangan (resit)
- c. Jika menduduki peperiksaan di tanahair, sila sertakan surat kebenaran dari university.

4. Sayugia jua diingatkan kepada setiap penuntut yang mempunyai sebarang masalah akademik mahupun kesejahteraan supaya akan **terus menghubungi mana-mana pegawai Unit Penuntut-Penuntut dan tidak membiarkan sehingga masalah menjadi lebih serius** yang mana boleh menjejaskan prestasi akademik terutama apabila menjelang peperiksaan akhir tahun.

5. Sila ambil perhatian bahawa Unit Penuntut Penuntut di London sedia membantu dalam apa jua cara yang kita boleh, sama ada secara akademik atau peribadi.

7. Akhirnya, di doakan semoga semua penuntut-penuntut Brunei Darussalam di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland akan berjaya menimba ilmu dan sentiasa berada di dalam keadaan sejahtera.

Sekian. Wassalam.

“ Kesederhanaan Membawa Berkat ”

Irmawati binti Haji Ahmad
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV
Tarikh: 20 Ramadhan 1439H / 05 Jun 2018



BORANG PERMOHONAN BAGI MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN (RESIT)

Makluman :

- a. Borang yang lengkap akan memudahkan dan melancarkan urusan permohonan ini. Oleh sebab itu, sila pastikan permohonan ini telah lengkap sebelum dihadapkan.
- b. Sebarang tuntutan bagi pembayaran balik yuran peperiksaan ulangan hanya akan diproses jika pelajar menghadapi tuntutan yang disokong dengan surat kebenaran menduduki peperiksaan ulangan.
- c. Hadapkan permohonan ke Unit Penuntut-Penuntut atau e-mel permohonan ke ***academic@upp.org.uk***

Maklumat pelajar :

Nama : _____
No BSU : _____ Universiti : _____
Nama kursus : _____
Tahun Pengajian : 1 / 2 / 3 / 4 / 5 / Tahun Akhir (Potong yang tidak berkenaan)

Maklumat peperiksaan :

Mata Pelajaran / Modul yang gagal : _____

Tarikh menduduki peperiksaan : _____
Tempat menduduki peperiksaan : _____
Tarikh jangkaan keputusan peperiksaan : _____

Sila hadapkan permohonan ini bersama dengan dokumen-dokumen yang berikut:

- a. Salinan keputusan peperiksaan.
- b. Surat/dokumen dari universiti yang membenarkan pelajar menduduki peperiksaan ulangan (resit).
- c. Jika menduduki peperiksaan di tanahair, sila sertakan surat kebenaran universiti.

Tandatangan pelajar _____ Tarikh : _____

Untuk kegunaan pejabat:

Pegawai yang meneliti permohonan : _____
Tarikh permohonan diterima : _____
Tandatangan Pegawai : _____

Lengkap / Tidak Lengkap

Nota: Borang yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pelajar.